

14/05/2003

Spekulasi menyebabkan perkara penting dilupakan

Mohd Azlan Jaafar

TEMPOH 12 hari lalu, jika dibandingkan sebulan lalu atau lebih jauh ke belakang, keadaan di Putrajaya paling menarik.

Bukanlah sebelum ini Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini sepi tanpa sebarang kejadian dan keghairahan - cuma kali ini perhatian lebih mengenai apa yang berlaku atau tidak berlaku di Putrajaya.

Pertama, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pulang selepas

bercuti dua bulan. Kira-kira jam 6.15 petang Jumaat lalu (2 Mei), pasukan

polis pengiring keluar dari Seri Perdana, sekali gus mengesahkan Dr Mahathir sudah pulang ke kediaman rasmi beliau.

Isnin lalu adalah hari pertama Perdana Menteri menjalankan semula tugas

sebagai ketua kerajaan. Jurugambar daripada hampir semua media cetak dan elektronik bertungkus-lumus cuba mendapatkan gambar Dr Mahathir di pejabat. Ini termasuk mereka yang berada di pintu keluar Seri Perdana pada

awal pagi. Bagaimanapun, tiada yang berjaya.

Pada malam Isnin itu bermula kira-kira jam 8 malam, pekerja kontrak sibuk memasang bendera Jerman sempena lawatan rasmi Canselor Gerhard Schroeder - yang pertama dilakukan ketua kerajaan negara itu sejak menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia lebih 40 tahun lalu.

Dalam semua kesibukan itu, tempoh 12 hari itu tidak kurang dengan pertanyaan selain pelbagai khabar angin. Ini termasuk sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) yang dijadualkan Oktober ini ditunda ke

April tahun depan.

Tidak kurang pertanyaan Dr Mahathir akan terus memegang jawatan selepas

persidangan itu. Isu The Economist yang mendapat kecaman pelbagai pihak juga menjadi perhatian.

Sistem pesanan ringkas (SMS) dengan pertanyaan dan spekulasi mula dihantar ke sana sini. Apa yang pasti syarikat telekomunikasi boleh meningkatkan beberapa juta tambahan kepada unjuran RM500 juta hasil perniagaan SMS mereka untuk tahun ini.

Dr Mahathir menamatkan semua spekulasi itu apabila menegaskan akan tetap

meletakkan jawatan dalam kerajaan dan parti pada sidang akhbar di Bintulu,

Khamis lalu.

Mengenai laporan The Economist itu, Dr Mahathir dilaporkan berkata: "Ia

adalah bodoh." Seperti dinyatakan Perdana Menteri, dalam politik banyak spekulasi. Apa yang jelas sepanjang tempoh itu banyak spekulasi dibuat.

Tetapi ketika kesibukan mengenai spekulasi dan khabar angin ini selain laporan The Economist, ada yang terlupa seketika sejauh mana negara sudah

berjaya. Mungkin mereka terlupa bahawa dalam tempoh kurang 10 tahun,

Putrajaya dulu adalah kawasan ladang kelapa sawit. Orang yang melalui kawasan yang sebelum itu diwartakan sebagai Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah pekerja ladang.

Dalam tempoh itu mungkin ada yang terlupa Dr Mahathir dijemput memberikan ucapan pada Sidang Kemuncak Negara Kumpulan Lapan (G8) di Paris bulan depan untuk bersama ketua negara seperti Amerika Syarikat, Perancis, Jepun, Kanada, Jerman, Russia, Britain dan Itali. Ia adalah pengiktirafan besar kepada sebuah negara yang dengan hanya 24 juta penduduk serta masih dikategorikan sebagai negara membangun.

Ada yang lupa, Putrajaya menjadi tuan rumah kepada kedatangan Schroeder (tiba Ahad lalu), Presiden Perancis, Jacques Chirac, dan Presiden Russia, Vladimir Putin yang akan menjelang tiba.

Kadang kala dalam kesibukan membuat spekulasi dan mencapai matlamat, ada yang lupa perkara lebih penting. Bagaimana kehadiran pemimpin negara gergasi ini akan menghantar 'gelora' ke seluruh dunia serta mengesahkan kedudukan Malaysia di dunia selepas merdeka selama 46 tahun.

Seperti kata pepatah, Rom tidak dibina dalam sehari. Dalam kes Malaysia, Dr Mahathir mengambil masa 22 tahun untuk membawa negara sampai ke tahap ini walaupun ia dicapai hampir di hujung kepemimpinannya. Apa yang penting, beliau melakukannya dan tiada siapa dapat menidakkan fakta itu.

Apa yang menyedihkan, ada yang lupa. Dua perkara yang terlintas di fikiran memikirkan semua spekulasi ini. Pertama, jika anda menaiki tangga ke Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ada gambar Dr Mahathir dengan sajak "Melayu Mudah Lupa".

Kedua, iklan Petronas yang disiarkan ketika Hari Kemerdekaan mengenai seorang ayah berbangsa India memandikan anaknya untuk dibawa pada hari keramat di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957. Anak itu kembali ke stadium sama selepas lebih 40 tahun dan berkata: "Kadang-kadang kita lupa bagaimana semua ini bermula."